KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

UCAPAN YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI &

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) BAGI USAHASAMA STRATEGIK DI ANTARA AGENSI KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH BERSAMA

BOUSTEAD PETROLEUM MARKETING SDN BHD (BHPETROL)

23 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)

PUTRAJAYA 1 BALLROOM, HOTEL MARRIOT, PUTRAJAYA

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Dikepilkan bersama)

MUKADDIMAH

Hadirin hadirat sekalian,

1. Alhamdulilah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita semua hadir dan berkumpul bersempena majlis yang pastinya merupakan titik permulaan yang positif bagi memupuk keseimbangan pembangunan kawasan luar bandar yang menjadi tonggak Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dengan kerjasama utuh Kementerian Pertahanan melalui Syarikat BHPetrol.

2. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd (BHPetrol), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pertahanan serta Agensi-Agensi yang terlibat dalam menjayakan majlis ini dalam memastikan program hari ini berjalan lancar. Program ini tentunya penting kerana ia merupakan penzahiran bahawa pembangunan mesti selaras dengan visi yang ingin kita capai dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan.

3. Sesungguhnya, majlis ini amat bermakna bagi memanifestasi kegigihan kita dalam menyantuni dan menunjukkan kepedulian kepada golongan luar bandar dan Bumiputera selaras dengan terapan nilai ihsan bagi menjayakan agenda Malaysia MADANI.

PROJEK PEMBANGUNAN RANGKAIAN STESEN MINYAK DESA DAN WILAYAH BERSAMA BHPETROL

4. Seperti yang ada disebut dalam ucapan Ir. Azizul Azily Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif BHPetrol sebentar tadi, tiga (3) usahasama strategik BHPetrol bersama agensi-agensi KKDW merupakan inisiatif syarikat bersama KKDW dalam menyantuni golongan luar bandar. Misalnya, pembangunan stesen minyak BHPetrol bersama agensi-agensi KKDW seperti FELCRA, MARA, RISDA, KETENGAH, PERDA, KEJORA, KESEDAR dan KEDA bertujuan untuk memastikan kawasan luar bandar mendapat sumber bahan api bersubsidi yang mencukupi tanpa perlu keluar jauh daripada kawasan masing-masing. Ini ialah satu usaha yang disanjung kerana kita tidak mahu golongan luar bandar merasa terbeban dan terpinggir apabila mereka tidak diberikan kemudahan yang diperlukan saban hari, apabila mereka terpaksa membeli minyak petrol di dalam botol. Kita tidak mahu lagi hal itu berlaku di kawasan luar bandar.

5. Ianya menjadi tanggungjawab kita semua dalam memastikan golongan desa mendapat kemudahan yang sama dengan golongan yang hidup di bandar. Dengan pembangunan yang bakal diusahakan kelak, ia juga dilihat dapat membantu anak-anak watan kawasan tersebut untuk menjana pendapatan melalui ruang pekerjaan yang akan disediakan serta meningkatkan ekonomi setempat. KKDW berfungsi dan berperanan untuk menjadi peneraju kemajuan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat desa secara menyeluruh dan berkesan. Dari semasa ke semasa kita rancang banyak aspek pembangunan di bawah KKDW meliputi semua negeri dan agensi-

agensi ini bertanggungjawab untuk menjadi pemangkinan kepada pembangunan luar bandar.

Saudara saudari sekalian,

PENYELESAIAN TENAGA LESTARI BERSEPADU BERSAMA MARA INCORPORATED – Pemasangan Panel Solar PV (Fotovoltaik) di Stesen Minyak BHPetrol

6. Selain itu, inisiatif yang kedua ialah saya dimaklumkan bahawa BHPetrol bersama MARA Inc. bekerjasama dalam mengambil langkah permulaan bagi perjalanan transformatif dari segi Tenaga Boleh Baharu (TBB) dengan pemasangan panel solar fotovoltaik di 50 buah stesen BHPetrol yang terpilih di Semenanjung Malaysia.

7. Penggunaan jana kuasa solar saban hari menjadi matlamat dalam industri TBB di Malaysia. Ianya merupakan salah satu misi menyahut aspirasi Malaysia MADANI dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dalam menjadikan *Malaysia a better nation* iaitu matlamat pengurangan 45 peratus dalam pelepasan karbon menjelang tahun 2030 dalam langkah untuk mencapai sifar bersih menjelang 2050.

8. Usaha yang patut diberi kredit kerana dua syarikat ini berganding bahu dalam mendukung usaha mengurangkan jejak karbon Malaysia. Perkara ini dilihat dapat mencapai kesimbangan yang tepat antara kemampanan, keselamatan dan kemampuan kerana ia menjurus ke arah ekosistem kuasa rendah karbon yang

lebih berdaya tahan dan ia juga adalah salah satu pemangkin untuk mengubah ekonomi ke arah yang lebih mampan.

PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI INSAN BERSAMA USAHAWAN IKS MARA (Penempatan Produk IKS MARA di BHPetromart)

9. Inisiatif yang ketiga ialah MARA bersama BHPetrol membuka peluang kepada lebih ramai usahawan MARA untuk memasarkan produk mereka di stesen BHPetrol di seluruh Semenanjung Malaysia di bawah program barangan Industri Kecil Sederhana (IKS). Program seumpama ini disokong penuh oleh MARA yang sentiasa menawarkan ekosistem keusahawanan menyeluruh kepada usahawan Bumiputera. Dengan bantuan BHPetrol, ia dapat memberi fokus kepada kelestarian usahawan dalam meluaskan pasaran produk dan mengenali cabang baru dalam industri baru.

10. Golongan usahawan Bumiputera harus diberi keutamaan dalam kita merencanakan pembangunan negara. Golongan usahawan ini yang akan membantu negara kita dalam meningkatkan ekonomi serta memberi suntikan baru kepada generasi baru untuk mempunyai visi dan misi untuk terus maju. Jika sekarang kita lihat peratusan usahawan muda meningkat tumbuh bagai cendawan selepas hujan, di sini kita beri bantuan untuk memudahkan mereka memasarkan produk mereka di lebih 300 BHPetromart di seluruh Semenanjung Malaysia, selain daripada dana untuk memulakan perniagaan. Terima kasih kepada BHPetrol kerana ingin bekerjasama memberi ruang dan peluang kepada mereka ini. Kita harap sangat mereka ini tidak melepaskan peluang yang diberi.

PENUTUP

11. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada petang ini. Justeru itu, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir serta memeriahkan majlis pada petang ini.

12. Tahniah juga diucapkan sekali lagi kepada BHPetrol, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, agensi-agensi di bawahnya dan semua pihak yang terlibat kerana dapat melihat usahasama strategik ini sebagai satu langkah menuju kepada kesimbangan *nation*. Kita tidak mahu melihat Malaysia ketinggalan dalam memastikan kawasan luar bandar membangun dan maju. Terima kasih juga kepada semua yang bertungkus-lumus untuk menjayakan majlis pada petang ini. Tidak lupa juga diucapkan kepada rakan-rakan media yang sudi hadir membuat liputan di majlis ini.

13. Mengakhiri ucapan saya pada petang ini, saya amat berharap agar usahasama strategik seperti ini akan dapat diteruskan dengan komitmen yang tinggi dikalangan syarikat dan Kementerian pada masa akan datang agar dapat memberi impak yang positif bukan hanya kepada perniagaan malah, kepada Malaysia secara keseluruhan. Insya-Allah.

Sekian,

Wabilahi Taufiq Walhidayah, Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih. Wassalamualaikum